

*al-Islāmī* telah banyak memberi bantuan-bantuan kepada negara-negara Islam dengan kebendaan-kebendaan. Di Malaysia bantuan-bantuan daripadanya telah pun diberi dan di Singapura ini ada juga mendapat bantuan itu. Di antara yang mendapat bantuan daripadanya sedikit-sedikit di atas Jamiyah al-Da'wah al-Islamiyyah, kepada suatu penerbitan yang diterbitkan oleh al-Sayyid Ibrahim Alsagoff dan masjid-masjid. Bantuan itu diberi tentulah dengan permintaan dan syor-syor yang tiba dari pihak di sini, daripada orang-orang yang dihubunginya tetapi malangnya hubungan-hubungan yang boleh dijalankan dengan kerja-kerja yang lebih manfaat untuk perkembangan Islam, sama ada perkembangan madrasah yang menggunakan bahasa pengantarnya bahasa Arab nampaknya tidak dikemukakan oleh orang yang berkenaan itu mungkin disebabkan oleh sentimen-sentimen yang ada di antaranya dengan badan-badan atau orang perseorangan di sini.

Di Tanah Melayu keadaannya berlainan. Perkembangan telah mulai ditanam dengan lebih lanjut dan sudah ada madrasah-madrasah agama yang telah mendapat bantuan-bantuan tetapi dikatakan dari *al-Rābiṭah* itu. Kita yakin yang di Tanah Melayu itu akan mendapat manfaatnya yang lebih-lebih lagi tetapi tidak seperti di Singapura kerana beberapa sebab yang sulit hendak dipaparkan di sini.

Tetapi walau bagaimanapun kita berharap pusat *al-Rābiṭah al-‘Ālim al-Islāmī* di Mekah sesudah tamat persidangannya dalam musim haji tahun ini akan segera menghantarkan rombongan-rombongannya penyiasatannya untuk menyelidik dengan saksama akan hajat-hajat di daerah-daerah di sini untuk perkembangan agama yang perlu mendapat bantuan daripada *al-Rābiṭah* sebagai yang dilakunya<sup>2</sup> pada tahun-tahun yang lalu di seluruh negeri-negeri Islam di Afrika.

Dengan adanya rombongan-rombongan inilah kelak tujuan-tujuan yang baik daripada *al-Rābiṭah* itu akan merata dan akan dapat sampai cita-cita bersama dalam mengembangkan Islam untuk

menghadapi ancaman Komunis dan menggalang perkembangan Kristian ke dalam masyarakat orang-orang Islam dengan berbagai-bagai cara dan perbuatan untuk menyesatkan umat Islam.

\* \* \*

### Sokongan Kepada Negara-negara Arab

Di dalam lawatan ke Afrika, di mana ia singgah di Beirut dan di Sudan, Tun Abdul Razak bin Hussein, Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah menyatakan bahawa Malaysia akan menyokong negara-negara Arab. Perisytiharan ini tentunya disambut oleh umat Islam Malaysia di Malaysia kerana walau bagaimanapun pertalian keagamaan di antara mereka masih erat dan masih tercantum hanya sanya yang diharap oleh mereka bantuan-bantuan itu janganlah tinggal dalam kata-kata sahaja tetapi hendaklah bantuan-bantuan itu diamal dan dijalankan dengan wajarnya.

Baru-baru ini seluruh negara-negara Arab mengambil suatu langkah menarik balik Duta-duta mereka dari Jerman Barat kerana Jerman Barat memberikan bantuan persenjataan kepada Israel yang telah menjadi tanah suci seluruh umat Islam dengan adanya Masjid al-Aqsa tempat mikrajnya Rasulullah (S.A.W) dalam masa menerima hukum sembahyang dan pernah menjadi kiblat mereka di dalam sembahyangnya.

Tegas dan terang perdirian mereka itu seluruh umat Arab bersatu menentang pencerobohan Yahudi yang di belakangnya berdiri Inggeris dan Amerika dan bersatunya umat Arab itu adalah sebagai persatuan Islam untuk menegakkan tanah suci yang mulia itu.

Di dalam persoalan ini Persekutuan Tanah Melayu khasnya telah menjadikan agama rasmi ialah agama Islam dan dengannya adalah kapadanya bersama-sama mempunyai tanggungjawab

<sup>2</sup> Perkataan sebenar ialah dilakukannya.